



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 AUGUST 2016

## PM terima kunjungan hormat Ketua Umum Parti Golkar

UM - 6/8/2016

**PUTRAJAYA 5 Ogos** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan hormat Ketua Umum Parti Golkar, Setya Novanto dan delegasinya di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Setya yang mengetuai delegasi seramai 10 orang itu mengadakan perjumpaan kira-kira 30 minit bersama Najib yang juga Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden UMNO.

Hadir sama ialah Setiausaha Agung BN dan UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Setya merupakan Ketua Umum Parti Golkar yang baharu dalam Musyawarah Nasional Luar Biasa di Nusa Dua, Bali pada Mei lalu.

Najib hari ini juga menerima kunjungan hormat sembilan bakal ketua perwakilan Malaysia ke luar negara.

Dalam perjumpaan kira-kira 30 minit itu, Najib menyampaikan amanat kepada ketua-ketua perwakilan tersebut.

Mereka ialah bakal Duta Besar Malaysia ke Belgium,

Datuk Hasnudin Hamzah; bakal Duta Besar Malaysia ke Filipina, Datuk Raszlan Abdul Rashid; bakal Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Mahinder Singh Ram Singh; bakal Duta Besar Malaysia ke Croatia, Mohd. Hassan Bal; bakal Duta Besar Malaysia ke Venezuela, Muzafar Shah Mustafa; bakal Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan, Roseli Abdul dan bakal Duta Besar Malaysia ke Turki, Abd. Razak Abdul Wahab.

Turut serta ialah bakal Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Datuk Amran Mohamed Zin dan bakal Wakil Tetap Malaysia ke Perwakilan Tetap Malaysia ke Asean, Jakarta, Datuk Shariffah Norhana Syed Mustaffa.

Tujuh ketua perwakilan Malaysia yang baharu telah menerima Waticah Pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara pada 18 Julai lalu.-

BERNAMA